



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
BAHAYA PEMIKIRAN
ISLAM LIBERAL



ISLAMIC - SALVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BAHAYA PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL".1

| | |
|--|---|
| الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾ | 2 |
| أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. | 3 |
| أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. | 4 |
| قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ | 6 |
| <p>Saya menyeru kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah larangan-Nya. Semoga Allah SWT meredai hidup kita, bahagia di dunia dan di akhirat.</p> | 5 |
| <p>Musibah besar yang melanda umat Islam di negeri ini ialah ancaman akidah dan pemikiran. Berbagai jenis kecelaruan didedahkan kepada umat Islam hari ini, bahkan ada yang menyeliputi pemikirannya dengan Islam, akan tetapi hakikatnya menyimpang jauh dari ajaran Islam sebenar.</p> | 6 |



Disebabkan oleh belitan hawa nafsu dan akal yang singkat, lahirlah pemikiran yang ingin membebaskan agama ini dari tafsiran dan kefahaman yang telah diwarisi ulama Islam sejak zaman junjungan besar Nabi Muhammad SAW sehingga hari ini. Perkara yang mimbar maksudkan di sini, ialah usaha untuk mentafsirkan agama Islam dengan cara pandang yang liberal atau bebas serta merubah apa yang telah diwarisi oleh ulama terdahulu dengan tafsiran yang menggunakan akal semata-mata, tanpa panduan ulama dan kaedah yang telah digunakan oleh ulama-ulama Islam sejak dahulu hingga kini.

7

Dengan mukaddimah itu, mimbar hari ini akan memperkatakan tentang **"BAHAYA PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL."**

8

Maksud "Pemikiran Islam Liberal" ialah suatu pemikiran yang berupaya membebaskan dan 'meliberalkan' umat Islam dari Islam yang satu, yang disepakati, dan Islam yang sudah mantap dan kukuh sekian lama.

Dalam sejarah Islam, pemikiran sedemikian dahulu dikenal dengan nama golongan *Ibahiyyun* yang bermaksud golongan yang serba membolehkan apa sahaja. Yang haram menjadi halal. Yang wajib menjadi tidak wajib lagi. Maka apa nak jadi dengan Islam kalau begini halnya? Zina, arak, judi semua menjadi halal? Solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, membayar zakat, semua tidak lagi wajib? *Inna lillahi wa inna ilaihi rajiun!* Perkara ini jelas sesat bahkan boleh menyebabkan gugurnya iman

9

sekiranya orang tersebut beriktikad pada perkara yang bercanggah dengan "مَا هُوَ مَعْلُومٌ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ" (apa yang diketahui dalam agama secara pasti).

10



Pada hari ini pula, lahir pemikiran yang tidak jauh dari golongan *Ibahiyyun* ini, iaitu pemikiran Islam Liberal. Ada di antara perjuangan pemikiran ini yang kadang telah melanggar ijmak iaitu konsensus umat Islam.

Misalnya dalam hal asas cara penetapan dan penggalian hukum atau dikenal dengan *istinbat* hukum, mereka tidak lagi mahu mengikuti manhaj yang telah digariskan oleh imam-imam mujtahid terdahulu, iaitu mengikuti manhaj *Usul al-Fiqh, Ulum al-Hadis, Ulum al-Tafsir, Kalam* dan lain-lain. Justeru mereka berkempen untuk mentafsir al-Quran sebebaskan-bebasnya. Bahkan kaedah tafsir yang dipegang secara ijmak para ulama juga dibakul sampahkan, dan mereka mengambil penafsiran mengkritik teks (*hermeneutik*) yang digunakan dalam memahami kitab Bible, bahkan kaedah tafsir yang dipegang secara ijmak. Apa nak jadi? Keluarlah pendapat dari mereka seperti anti hadis, rambut bukan aurat bagi wanita, zina tidak haram kalau suka sama suka, maka hancurlah agama.

11

Modus Operandi mereka tidak jauh dengan golongan "mazhab tidak bermazhab" atau *Allamazhabiyah* iaitu modus menjatuhkan kredibiliti dan autoriti ulama-ulama Islam terdahulu. Bagi *Allamazhabiyah*, mereka selalu mengkritik pendapat dan ijtihad ulama mazhab terdahulu dengan slogan ulama tidak maksum boleh salah dan tidak ada dalil atau hadis atau hadisnya daif lemah. Sedangkan puak Islam Liberal pula berani memperolok Imam al-Syafie dan ulama-ulama mujtahid lainnya dan menganggap mereka ketinggalan zaman, tidak relevan dan punca taklid buta. Bahkan kitab Sahih al-Bukhari pun dituduh tidak lagi sahih. Lalu apa yang sahih? Tidak lain hanya pandangan Tokoh mereka sahaja gamaknya.

12



Apa yang akan jadi kepada umat Islam di Selangor ini - wahai sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, sekiranya pendapat ulama diperlekeh, kitab-kitab kuning yang beratus tahun dijadikan sumber hukum menghasilkan fatwa dan panduan hidup bagi umat Islam semuanya ditolak dan diperlekeh? Lalu Mufti FB dan Ulama Youtube yang dijadikan panduan dan sumber hukum. Apakah kebenaran zaman ini diletakkan pada jumlah *likes* di dalam FB? atau membiarkan *comments* Netizen penentu kebenaran sesuatu perkara? Akhirnya ilmu tidak lagi di pondok-pondok, sekolah-sekolah, masjid-masjid, universiti-universiti, sebaliknya ilmu dinilai benar melalui media sosial. *Inna lillahi wa inna ilaihi rajiun!*

13

Ciri-ciri pemikiran islam liberal juga tersebar melalui gerakan feminisme atau perjuangan hak wanita. Pada hakikatnya, Islam adalah agama yang tegas memuliakan dan melindungi para wanita! Kedatangan Islam mengharamkan adat jahiliah yang membunuh anak-anak perempuan Islam, memberi hak kepada pemilikan wanita setelah dibayarkan maharnya. Islam juga memuliakan wanita dengan mewajibkan menutup auratnya. Perkahwinan jahiliah adalah tanpa batas tetapi Islam membataskan berpoligami kepada empat orang sahaja.

14

Akan tetapi yang kita risaukan terhadap puak Islam Liberal ini, apabila mereka mula ingin merubah hukum hakam yang telah pasti dalam Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Misalnya ada usaha dari mereka untuk menghalalkan perbuatan LGBTQ yang jelas-jelas bercanggah di dalam Islam.

Lebih bahaya lagi, ada di kalangan mereka yang menganggap kitab-kitab fiqh ulama mazhab empat adalah disusun oleh ulama-ulama lelaki bersifat patriarki yang menyebabkan segala hukum banyak menyebelahi kaum lelaki. Maka ada dari kalangan mereka ini yang melawan konsensus ulama dengan membuat bidaah yang keji seperti membenarkan wanita menjadi imam solat kepada lelaki, bahkan di dalam solat Jumaat sekalipun. Patriarki adalah sebuah sistem dimana lelaki memegang

15



tampak kekuasaan dan dominan dalam pentadbiran manakala wanita ialah orang bawahan. Sistem pemerintahan patriarki meletakkan lelaki sebagai jalur utama dalam mewarisi tampuk pemerintahan. Lelaki berkuasa bukan sahaja dari segi politik, tetapi juga moral, dan mempunyai hak keistimewaan dalam perundangan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

16

"Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

17

Berdasarkan Fatwa yang telah diwartakan pada tahun 2014 jelas menyatakan fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam dan kepada mana-mana individu yang berpegang dengan fahaman ini hendaklah segera bertaubat.

18



Mimbar ini juga mengingatkan dan menyeru kepada segenap rakyat Selangor agar menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 13 November 2018 untuk mengekang fahaman dan ideologi yang sesat seperti fahaman liberalisme ini.

19

Mimbar juga ingin menegaskan kepada segenap rakyat Selangor, agar senantiasa menghormati hukum syarak dan keputusan fatwa yang diwartakan di negeri yang penuh ehsan ini.

Pemikiran Islam Liberal adalah jelas sebuah pemikiran yang bercanggah dengan syariat Islam dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Landasan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dalam urusan akidah mengikut neraca al-Asy'ariyyah dan al-Maturidiyyah. Dalam fikah adalah mengikut mazhab Imam al-Syafii dan menerima tiga mazhab lainnya. Sedangkan tasawwuf pula adalah mengikut Imam al-Junaidi dan Imam al-Ghazali. Tiga asas inilah yang sudah lama dipegang oleh umara' dan ulama di Selangor sejak berzaman, semoga kita semua istiqamah dengan pegangan ini.

20

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati tausiah berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa fahaman liberal adalah menyeleweng dan bercanggah dengan akidah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana asasnya ialah akal dan logic semata-mata serta menolak al-Quran dan al-Sunnah.
2. Umat Islam hendaklah menolak fahaman liberalisme secara mutlak bahkan konsep ini ditolak juga dalam agama-agama yang lain.
3. Umat Islam boleh ditimpa musibah atau bala bencana sebagaimana umat terdahulu yang musnah dan dilaknat kerana menokok tambah dan mereka-reka perihal agama mereka.

21



| | |
|--|----|
| <p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلَوْ أَتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ بَلْ أَتَيْنَهُمْ بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ مُعْرِضُونَ ﴿٧١﴾</p> | 22 |
| <p><i>"Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka Al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya;"</i> <i>(al-Mukminun : 71).</i></p> | 23 |
| <p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 30 |
| <p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p> | 31 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat. |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |



| | |
|--|----|
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، | 9 |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. | 10 |
| اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. | 17 |



| | |
|--|----|
| <p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p> | 18 |
| <p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p> | 19 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p> | 20 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p> | 21 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 22 |